



NOTIS MAKLUMAN

SKIM BANTUAN BANJIR 2021

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

LPPSA turut bersimpati dengan mangsa banjir buruk yang telah melanda beberapa buah negeri di Malaysia pada bulan Disember 2021 baru-baru ini. Justeru, bagi membantu meringankan komitmen kewangan pelanggan yang terjejas, LPPSA akan menawarkan SKIM BANTUAN BANJIR 2021 iaitu **penangguhan bayaran balik ansuran bulanan selama tiga (3) bulan*** bagi pelanggan LPPSA yang terjejas.

SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini boleh dimohon oleh pelanggan yang mempunyai hartanah dibawah pembiayaan LPPSA dan sedang didiami oleh pelanggan yang mengalami kerosakan atau kemusnahan akibat banjir. Permohonan dibuka mulai **15 Januari 2022 sehingga 30 April 2022** dan boleh dibuat secara atas talian melalui Laman Sesawang Rasmi LPPSA di Portal SKIM BANTUAN BANJIR 2021 melalui pautan << <https://bantu.lppsa.gov.my>>>.

Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh merujuk kepada soalan lazim mengenai SKIM BANTUAN BANJIR 2021 di laman sesawang LPPSA <https://www.lppsa.gov.my/v3/my/> dan facebook rasmi <https://www.facebook.com/OfficialPageLPPSA>.

Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-8880 1600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

7 JANUARI 2022

** Tertakluk kepada terma dan syarat seperti di soalan lazim mengenai SKIM BANTUAN BANJIR 2021.*



SOALAN LAZIM (FAQs)

SKIM BANTUAN BANJIR 2021 LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

MAKLUMAN AM

LPPSA turut bersimpati dengan mangsa banjir buruk yang telah melanda beberapa buah negeri di Malaysia pada bulan Disember 2021 baru-baru ini. Justeru, LPPSA merasa terpenggil bagi membantu melegakan komitmen kewangan pelanggan LPPSA yang terjejas dalam mendepani situasi yang mencabar ini melalui **penangguhan bayaran balik ansuran bulanan pembiayaan perumahan LPPSA**. Bantuan ini dikenali sebagai SKIM BANTUAN BANJIR 2021.

SKIM BANTUAN BANJIR 2021 yang disediakan ialah **penangguhan bayaran balik ansuran bulanan selama tiga (3) bulan bagi pelanggan LPPSA yang terjejas akibat bencana banjir yang telah melanda negara tahun 2021**.

PENGENALAN

1	Apakah itu SKIM BANTUAN BANJIR 2021?	Penangguhan bayaran balik ansuran bulanan pembiayaan perumahan LPPSA sehingga tiga (3) bulan.
2	Apakah tujuan dan objektif SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini diperkenalkan?	Memberikan bantuan kepada pelanggan LPPSA yang terjejas akibat bencana banjir yang telah melanda negara pada tahun 2021.
3	Apakah yang dimaksudkan dengan penangguhan bayaran balik pembiayaan LPPSA yang diperkenalkan di bawah SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini?	Penangguhan atau penggantungan sementara obligasi bayaran balik pembiayaan untuk suatu tempoh terhad kepada pelanggan LPPSA yang layak.

SKIM BANTUAN BANJIR 2021

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
SYARAT DAN PERMOHONAN		
1	Siapakah yang layak memohon SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini?	<p>Terbuka kepada pelanggan LPPSA yang mempunyai hartanah dibawah pembiayaan LPPSA dan sedang didiami oleh pelanggan sendiri yang mengalami kerosakan atau kemusnahan akibat bencana banjir bermula Disember 2021 sehingga Mac 2022.</p> <p>Nota: Hartanah yang tidak didiami oleh pelanggan itu sendiri adalah tidak layak memohon.</p>
2	Adakah saya layak untuk memohon bantuan ini sekiranya rumah yang terlibat dengan banjir tersebut telah disewa atau diduduki oleh orang lain?	Tidak layak.
3	Adakah saya layak untuk memohon bantuan ini sekiranya saya telah membuat tuntutan insurans/ takaful bencana alam?	Ya. Pelanggan layak untuk memohon bantuan ini.
4	Apakah syarat permohonan bagi SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini?	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun pembiayaan berstatus aktif ketika permohonan. • Arahan Potongan Gaji atau Pencen telah terlaksana. • Tiada ansuran tertunggak melebihi 90 hari. • Akaun pembiayaan BUKAN dalam proses pembatalan, dituntut sekaligus atau penyelesaian penuh. • Tidak berhadapan dengan prosiding saman penghutang penghakiman atau kebangkrapan. • Pembiayaan BUKAN dalam tempoh penangguhan disebabkan cuti tanpa gaji/ separuh gaji.
5	Apakah terma – terma SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini?	<ul style="list-style-type: none"> • Faedah/ keuntungan akan terakru (diambil kira) ke atas bayaran balik pembiayaan yang ditangguhkan. • Pelanggan perlu menunaikan bayaran balik yang tertangguh pada masa akan datang. • Bayaran balik pembiayaan akan disambung semula selepas tamat tempoh penangguhan • Tiada perlindungan tambahan insurans/ takaful gadaijanji. • Tempoh pembiayaan tidak akan dilanjutkan mengikut tempoh penangguhan bayaran balik pembiayaan LPPSA atau tiga (3) bulan menurut program ini.
6	Adakah kelulusan SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini diberi secara automatik atau saya perlu membuat permohonan?	Pelanggan perlu membuat permohonan secara atas talian selaras dengan pengumuman pelaksanaan SKIM BANTUAN BANJIR 2021. Kelulusan adalah secara automatik kepada pemohon yang layak.
7	Bagaimanakah cara untuk memohon SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini?	Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui Laman Sesawang Rasmi LPPSA di Portal SKIM BANTUAN BANJIR 2021 melalui pautan << << https://bantu.lppsa.gov.my>> >>.


SKIM BANTUAN BANJIR 2021

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
8	Bilakah saya boleh memohon SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini?	Permohonan dibuka mulai 15 Januari 2022 sehingga 30 April 2022.
9	Adakah dokumen diperlukan untuk memohon SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini?	Ya. Dokumen tersebut adalah: <ul style="list-style-type: none"> • Dokumen atau surat sokongan dari Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan (Laporan Polis, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) / Ketua Kampung / Penghulu / JKKK / Agensi berkaitan); atau; • Laporan Penyelaras dari Insurans/ Takaful; dan • Tiga (3) keping gambar keadaan sebenar jarak dekat bahagian luar dan dalam kerosakan atau kemusnahan hartanah dibawah pembiayaan LPPSA dan diduduki oleh pelanggan tersebut.
10	Bagi pelanggan yang membuat pembiayaan bersama, adakah permohonan SKIM BANTUAN BANJIR 2021 perlu dibuat secara berasingan?	Ya. Permohonan perlu dibuat secara berasingan.
11	Bolehkah saya memohon bantuan ini sekiranya saya mempunyai lebih dari satu pembiayaan yang aktif?	Ya dan boleh dibuat dalam satu permohonan sahaja.
12	Bolehkah saya memohon bantuan ini sekiranya penangguhan bayaran balik sedang berkuatkuasa?	Pelanggan yang sedang dalam penangguhan bayaran balik disebabkan cuti tanpa gaji (CTG)/ cuti separuh gaji TIDAK LAYAK untuk memohon bantuan ini kerana pelanggan telah menerima manfaat penangguhan semasa tempoh penangguhan bayaran balik.
13	Dimanakah saya boleh menyemak nombor akaun dan maklumat lain pembiayaan LPPSA saya?	Semakan boleh dibuat di portal LPPSA – https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/ atau aplikasi mudah alih LPPSA - http://www.lppsa.gov.my/v2/media/aplikasi-mudah-alih/ .
14	Bagaimanakah saya boleh mengetahui status permohonan yang telah dihantar?	Semakan status permohonan boleh dirujuk dalam Laman Sesawang Rasmi LPPSA melalui pautan << << https://bantu.lppsa.gov.my>> dalam tempoh lima (5) hari bekerja setelah LPPSA menerima permohonan anda.
15	Bilakah penangguhan bayaran balik pembiayaan LPPSA saya di bawah SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini akan berkuat kuasa?	Penangguhan bayaran akan berkuat kuasa tertakluk pada tarikh penghantaran data dan pelaksanaan pemberhentian potongan gaji atau pencen oleh Pusat Pembayar atau Pejabat Perakaunan pelanggan berkenaan.

SKIM BANTUAN BANJIR 2021

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
16	Bolehkah saya memohon untuk melanjutkan tempoh penangguhan bayaran balik melebihi daripada tempoh yang ditetapkan di bawah SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini?	Tidak.

17	Adakah saya perlu menambah bayaran sumbangan/ premium perlindungan Insurans/ Takaful Gadaai Janji (MRTA/MRTT), Perlindungan Pemilikan Rumah Jangka Panjang (LTHO) untuk tempoh 3 bulan tersebut?	<p>Penangguhan bayaran balik tidak melibatkan perubahan tempoh pembiayaan. Justeru, perlindungan Insurans/ Takaful MRTT/MRTA dan LTHO akan mengikut tempoh pembiayaan asal dan tiada kos tambahan diperlukan bagi perlindungan insurans/ takaful pelanggan.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, pelanggan perlu mengambil maklum bahawa perlindungan insurans/ takaful masih berjalan dalam tempoh penangguhan bayaran balik pembiayaan dan jumlah perlindungan insurans/takaful akan terus berkurangan mengikut tempoh pembiayaan. Ini bermaksud baki pinjaman/ pembiayaan akan lebih tinggi daripada jumlah perlindungan insurans/ takaful dan akan mengakibatkan jurang perlindungan. Oleh itu, sekiranya berlaku kematian atau keilatan kekal ke atas pelanggan, pampasan yang diterima mungkin tidak mencukupi bagi menyelesaikan baki hutang pinjaman/ pembiayaan.</p>
----	--	--



SKIM BANTUAN BANJIR 2021

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
------	--------	---------

ILUSTRASI : IMPLIKASI PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN LPPSA

18	Adakah saya akan dikenakan faedah/ keuntungan tambahan atas jumlah bayaran balik yang ditanggungkan selama tempoh 3 bulan tersebut?	<p>Faedah / keuntungan dikenakan tetapi tidak dikompaun semasa tempoh penangguhan. Bagi skim pembiayaan perumahan LPPSA secara konvensional, kadar faedah akan terus terakru (diambil kira) ke atas baki pembiayaan semasa tempoh penangguhan bayaran balik.</p> <p>Bagi skim pembiayaan perumahan LPPSA secara Islamik, kadar keuntungan akan terus terakru (diambil kira) ke atas baki prinsipal semasa tempoh penangguhan bayaran balik.</p>
----	---	---

19	Adakah bayaran balik bulanan saya akan meningkat selepas tempoh penangguhan tamat?	<p>Bayaran balik bulanan akan meningkat selepas tamat tempoh penangguhan kerana pengiraan ansuran bulanan akan mengambil kira faedah/ keuntungan terakru semasa tempoh penangguhan. Anggaran peratus ansuran bayaran balik boleh dirujuk pada jadual berikut:</p>
----	--	---

Baki Tempoh Pembiayaan (tahun)	Anggaran Peratus Kenaikan Ansuran Bulanan Baru (Tiada Lanjutan Tempoh Pembiayaan)
35	0.88%
30	1.03%
25	1.24%
20	1.55%

Pengiraan anggaran ansuran bulanan yang baru selepas tamat tempoh penangguhan bayaran adalah seperti berikut:

Ansuran bulanan semasa + (Ansuran bulanan semasa x anggaran peratus kenaikan)

Baki tempoh pembiayaan mempengaruhi anggaran peratus kenaikan ansuran bulanan selepas tempoh penangguhan.

Contoh	
Ansuran bulanan semasa	RM1,050.32
Baki tempoh pembiayaan	30 tahun (360 bulan)
Anggaran peratus kenaikan ansuran bulanan baru	1.03%
Anggaran ansuran bulanan baru	$RM1,050.32 + (RM1,050.32 \times 1.03\%)$ RM1,050.32 + RM10.82 RM1,061.14

SKIM BANTUAN BANJIR 2021

BIL.	SOALAN	JAWAPAN																																																
20	Apakah implikasi penangguhan bayaran balik terhadap pembiayaan saya?	<p>Implikasi penangguhan bayaran balik terhadap pembiayaan adalah seperti berikut:</p> <p>Contoh di bawah adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja. Jangka masa tempoh lanjutan dan faedah/ keuntungan akan berubah bergantung pada kadar faedah/ keuntungan pembiayaan dan baki tempoh pembiayaan.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th align="left" colspan="2">Contoh Pinjaman/ Pembiayaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jumlah Pinjaman (RM)</td> <td align="right">400,000.00</td> </tr> <tr> <td>Kadar Faedah/Keuntungan</td> <td align="right">4%</td> </tr> <tr> <td>Tempoh Pinjaman/Pembiayaan (bulan)</td> <td align="right">420</td> </tr> <tr> <td>Ansuran Bulanan (RM)</td> <td align="right">1,771.10</td> </tr> <tr> <td>Tarikh mula ansuran</td> <td align="right">Jan 2010</td> </tr> <tr> <td>Tarikh akhir ansuran</td> <td align="right">Dis 2044</td> </tr> <tr> <td>Baki Tempoh Pinjaman/Pembiayaan (bulan)</td> <td align="right">273</td> </tr> <tr> <td>Baki Semasa Pinjaman/Pembiayaan (RM)</td> <td align="right">319,260.49</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th align="center">Seperti Terma Pembayaran Balik/ Pembayaran Semasa</th> <th align="center">3 bulan penangguhan bayaran balik (tiada lanjut tempoh pembiayaan)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ansuran Bulanan (RM)</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>- 3 Bulan Pertama</td> <td align="right">1,771.10</td> <td align="center">-</td> </tr> <tr> <td>- Bulan ke-4 dan Seterusnya</td> <td align="right">1,771.10</td> <td align="right">1,794.70</td> </tr> <tr> <td>Anggaran Kenaikan Ansuran Bulanan (%)</td> <td align="right">0%</td> <td align="right">1.33%</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Bayaran Ansuran (RM)</td> <td align="right">743,862.00</td> <td align="right">744,991.59</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Faedah/ Keuntungan (RM)</td> <td align="right">343,862.00</td> <td align="right">344,991.59</td> </tr> <tr> <td>Penambahan Faedah/ Keuntungan (RM)</td> <td align="center">-</td> <td align="right">1,129.59</td> </tr> <tr> <td>Baki Tempoh Pinjaman/ Pembiayaan dari Tarikh Semasa (bulan)</td> <td align="right">273</td> <td align="right">273</td> </tr> <tr> <td>Tarikh Matang Pinjaman/ Pembiayaan</td> <td align="right">Dis 2044</td> <td align="right">Dis 2044</td> </tr> </tbody> </table>	Contoh Pinjaman/ Pembiayaan		Jumlah Pinjaman (RM)	400,000.00	Kadar Faedah/Keuntungan	4%	Tempoh Pinjaman/Pembiayaan (bulan)	420	Ansuran Bulanan (RM)	1,771.10	Tarikh mula ansuran	Jan 2010	Tarikh akhir ansuran	Dis 2044	Baki Tempoh Pinjaman/Pembiayaan (bulan)	273	Baki Semasa Pinjaman/Pembiayaan (RM)	319,260.49		Seperti Terma Pembayaran Balik/ Pembayaran Semasa	3 bulan penangguhan bayaran balik (tiada lanjut tempoh pembiayaan)	Ansuran Bulanan (RM)			- 3 Bulan Pertama	1,771.10	-	- Bulan ke-4 dan Seterusnya	1,771.10	1,794.70	Anggaran Kenaikan Ansuran Bulanan (%)	0%	1.33%	Jumlah Bayaran Ansuran (RM)	743,862.00	744,991.59	Jumlah Faedah/ Keuntungan (RM)	343,862.00	344,991.59	Penambahan Faedah/ Keuntungan (RM)	-	1,129.59	Baki Tempoh Pinjaman/ Pembiayaan dari Tarikh Semasa (bulan)	273	273	Tarikh Matang Pinjaman/ Pembiayaan	Dis 2044	Dis 2044
Contoh Pinjaman/ Pembiayaan																																																		
Jumlah Pinjaman (RM)	400,000.00																																																	
Kadar Faedah/Keuntungan	4%																																																	
Tempoh Pinjaman/Pembiayaan (bulan)	420																																																	
Ansuran Bulanan (RM)	1,771.10																																																	
Tarikh mula ansuran	Jan 2010																																																	
Tarikh akhir ansuran	Dis 2044																																																	
Baki Tempoh Pinjaman/Pembiayaan (bulan)	273																																																	
Baki Semasa Pinjaman/Pembiayaan (RM)	319,260.49																																																	
	Seperti Terma Pembayaran Balik/ Pembayaran Semasa	3 bulan penangguhan bayaran balik (tiada lanjut tempoh pembiayaan)																																																
Ansuran Bulanan (RM)																																																		
- 3 Bulan Pertama	1,771.10	-																																																
- Bulan ke-4 dan Seterusnya	1,771.10	1,794.70																																																
Anggaran Kenaikan Ansuran Bulanan (%)	0%	1.33%																																																
Jumlah Bayaran Ansuran (RM)	743,862.00	744,991.59																																																
Jumlah Faedah/ Keuntungan (RM)	343,862.00	344,991.59																																																
Penambahan Faedah/ Keuntungan (RM)	-	1,129.59																																																
Baki Tempoh Pinjaman/ Pembiayaan dari Tarikh Semasa (bulan)	273	273																																																
Tarikh Matang Pinjaman/ Pembiayaan	Dis 2044	Dis 2044																																																
PEMBAYARAN																																																		
21	Adakah saya perlu membuat pembayaran seperti biasa sementara menunggu permohonan SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini diluluskan?	Ya. Pembayaran ansuran bulanan perlu dibuat seperti biasa sementara menunggu permohonan diluluskan.																																																

SKIM BANTUAN BANJIR 2021

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
22	Bagaimana sekiranya saya telah membuat lebih bayaran ansuran sebelum kelulusan SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini? Adakah saya boleh mendapatkan semula bayaran yang telah terlebih bayar tersebut?	Tiada pemulangan semula bagi bayaran yang telah terlebih bayar. Bayaran balik yang diterima akan dikira sebagai bayaran pendahuluan.
23	Apakah yang akan berlaku sekiranya bayaran balik ansuran melalui potongan gaji atau pencen tidak terlaksana selepas tamat tempoh SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini?	<p>Pelanggan dikehendaki menyemak status potongan tersebut dan memaklumkan kepada Pusat Pembayar atau Pejabat Perakaunan untuk melaksanakan semula potongan gaji atau pencen dengan segera.</p> <p>Pada masa yang sama, pelanggan bertanggungjawab untuk membuat ansuran bayaran balik sendiri secara atas talian (<i>online</i>) sehingga potongan gaji/ pencen kembali terlaksana.</p> <p>Panduan pembayaran secara <i>online</i> boleh dirujuk melalui pautan: http://www.lppsa.gov.my/v2/manual-pembayaran-secara-online/</p> <p>Sekiranya tiada bayaran yang diterima selepas tamat tempoh SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini, akaun pelanggan akan tertunggak dan LPPSA akan melaksanakan arahan potongan gaji berganda bagi menyelesaikan tunggakan tersebut.</p>
SALURAN KOMUNIKASI		
24	Bagaimana pelanggan ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai SKIM BANTUAN BANJIR 2021 ini?	<p>Maklumat lanjut mengenai SKIM BANTUAN BANJIR 2021 boleh diperolehi melalui saluran berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Portal khas SKIM BANTUAN BANJIR 2021 melalui pautan << << https://bantu.lppsa.gov.my>>. ii. Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600. iii. Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di https://etiket.lppsa.gov.my/. <p>Lain-lain maklumat berkaitan pembiayaan perumahan LPPSA boleh dirujuk dalam Laman Sesawang Rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my. Sebarang info terkini, boleh ikuti perkembangan LPPSA dengan menekan butang 'Like' dan 'Follow' Facebook Page Rasmi LPPSA di pautan https://facebook.com/OfficialPageLPPSA/.</p>

7 JANUARI 2022